

**TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA
DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON
NAIB CANSOLOR
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
TAHUN 2009 KALI KE-6**

30 Jun 2010, Grand Ballroom, 1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah

Bismillahirrahmannir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

- **Y.Berusaha Mejar (Kehormat) Abdullah Hj. Mohd. Said,
Pendaftar Universiti Malaysia Sabah merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang (APC) UMS Kali Ke-6 Bagi Tahun 2009**

- **Pegawai-Pegawai Utama Universiti;**

- **Dekan-Dekan/Ketua-Ketua Jabatan;**

- **Para tenaga akademik & pentadbir universiti;**

- **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita terus dapat menghayati dan menikmati kesejahteraan dan kemakmuran hidup pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah mengaturkan kesempatan ini untuk kita bersama-sama dalam

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2009, Kali Ke-6
ini.

3. Seperti yang kita sedia maklum, majlis ini merupakan satu-satunya platform untuk kita memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada kakitangan yang telah mencapai prestasi cemerlang berdasarkan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT), bagi tahun 2009**, sepertimana yang telah ditetapkan dalam **Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2002**.

4. Oleh itu, seperti yang tercatat dalam buku program, sebentar lagi kita akan menyaksikan seramai **952 kakitangan** menerima anugerah masing-masing.

5. Saya bagi pihak seluruh warga UMS mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah. Bagi penerima anugerah jasamu dikenang, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas segala khidmat bakti sepanjang bertugas di UMS. Semoga komitmen dan pengorbanan yang dicurahkan mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya.

6. Kepada yang tidak menerima APC pada malam ini, janganlah pula berkecil hati. Sebenarnya, terlalu ramai kakitangan yang layak dipertimbangkan untuk menerima APC kali ini, tetapi Panel Pemilih terpaksa akur kepada kuota yang telah ditetapkan dalam Pekeliling yang saya sebutkan tadi, iaitu tidak melebihi **8 peratus** daripada jumlah kakitangan yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian, iaitu tahun 2009.

7. Namun demikian, saya percaya, Panel Penilai telah melaksanakan tugas dengan berintegriti, adil dan telus bagi mengenal pasti hanya mereka yang telah memenuhi syarat dipilih menerima anugerah-anugerah pada malam ini,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

BUDAYA NEGATIF MENGGUGAT KESTABILAN ORGANISASI

8. UMS yang kini berusia 15 tahun, telah melalui liku dan ranjau berduri, yang cukup mendukacitakan apabila turut menerima tempias akibat perbuatan segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab.

9. Sama ada kita sedar atau tidak, anasir-anasir negatif seperti menulis dan mengedarkan surat layang, menabur fitnah, mengadu domba dan menghasut telah sedikit sebanyak menggugat kestabilan universiti ini.

10. Saya merasa amat dukacita kerana perbuatan-perbuatan berbentuk khianat seperti ini boleh berlaku dalam sebuah universiti, iaitu menara gading yang sepatutnya mengungguli agenda, meninggi dan memartabatkan ilmu pengetahuan, keluhuran budi dan ketinggian intelektualisme.

11. Sepertimana penganas komunis yang pernah mensabotaj pentadbiran Kerajaan dengan pelbagai aktiviti subversif, demikian jualah yang dilakukan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab di universiti ini, yang bersekongkol dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, menyebarkan fitnah melalui media cetak, menulis surat-surat layang yang penuh dengan fitnah dan kata-kata yang kotor dan cemar, dan yang paling menyedihkan dan mengecewakan saya, sanggup pula mendedahkan perkara-perkara yang terperingkat sebagai sulit dan rahsia kepada pihak-pihak luar.

12. Untuk itu, Pihak Pengurusan Universiti telah mengambil langkah pro-aktif untuk membendung rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan universiti. Tindakan yang diambil atas kesedaran bahawa kestabilan universiti boleh tergugat dengan terhakisnya integriti dan akauntibiliti di kalangan warga organisasi kita. Sesungguhnya, pihak pengurusan universiti tidak akan gentar untuk mengambil tindakan terhadap golongan 'musang berbulu ayam' ini.

13. Berapa ramai di kalangan kita yang berani tampil ke depan untuk bersama-sama dengan saya dan pengurusan universiti untuk membersihkan kampus kita daripada golongan ini yang mungkin bijak berselindung di sebalik manis wajah, sikap *innocent* dan lagak mudah membantu staf dan pelajar.

Mereka ini mungkin seorang staf sokongan biasa atau mungkin seorang pegawai atau sesiapa sahaja. Peribahasa Melayu yang biasa kita dengar....“*Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua.*”

14. Sehubungan itu, saya percaya bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah mekanisme utama yang dapat digunakan bagi menangani golongan yang terlibat. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan bahawa perbuatan-perbuatan curang dan **Corrupt** digempur sehabis-habisnya supaya ia tidak berjangkit dan melarat pula kakitangan yang lain. Saya tahu bahawa ada di kalangan kita yang cuba bermain silap mata; tanpa disedari melakukan perbuatan dan tindakan yang mencurigakan.

15. Atas asas itu, dan berdasarkan aduan serta laporan sahih yang diterima, maka Bahagian Audit Dalam akan digerakkan sepenuhnya bagi mengesan sebarang tindakan yang dilakukan dengan tidak menurut prosedur atau menyeleweng dari tatacara sebenar. Jika terbukti wujud salah laku ini, tindakan tatatertib atau undang-undang boleh dipertimbangkan menurut peruntukan undang-undang sedia ada iaitu **Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Pencegahan Rasuah 1997.**

16. Justeru, saya menyeru agar kita semua menginsafi bahawa beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita di sini amatlah besar dan tidaklah boleh dipermainkan-mainkan. Sekiranya kepentingan diri sendiri mendahului kepentingan organisasi, maka laungan integriti dan akauntibiliti, akan menjadi ilusi dan omong-omong kosong sahaja..

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

INTIPATI PERKHIDMATAN CEMERLANG

17. Seperti yang dijelaskan dalam **Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 2 Tahun 2002**, intipati perkhidmatan cemerlang adalah apabila seseorang kakitangan memberikan perkhidmatan yang mana mutu atau hasilnya melebihi daripada tanggungjawab biasa bagi jawatannya, malah

ianya boleh dijadikan teladan dan pengaruh yang mampu menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha kepada kakitangan lain.

18. Namun, pada hemat saya, kecemerlangan tersebut tidak akan terjamin kelangsungannya jika ianya tidak disertai dengan sikap dan komitmen yang positif. Oleh itu, majlis seperti ini diharap dapat menyedarkan semua yang hadir bahawa kecemerlangan sesebuah organisasi berada di atas bahu semua kakitangannya, tidak kira pangkat atau jawatan. Peranan dan tanggungjawab ini perlu dipikul bersama, ibarat pepatah 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

19. Selain itu, diharapkan juga ianya dapat menyuntik semangat dan daya saing di kalangan kakitangan untuk mencapai kecemerlangan. Kita bersaing bukan kerana kita mahu mengekalkan apa yang sedang dicapai, tetapi bersaing secara sihat untuk terus maju daripada apa yang telah dicapai pada masa kini. Seperti kata tokoh atau *Guru's of management*, Edward De Bono : *"only those who plan for success will survive, while those who plan only to survive will fall"*

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

UMS DAN AGENDA PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA

20. Sebagai penjawat awam, sudah semestinya kita perlu memahami dan mengamati aspirasi Kerajaan, agar kecemerlangan yang ingin kita capai sentiasa berpaksikan dan selari dengan agenda Kerajaan.

21. Untuk itu, sebagai panduan bersama, suka saya mengulangi metafora atau kiasan yang digunakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Mohd. Najib Tun Razak untuk menjelaskan **EMPAT TONGGAK UTAMA AGENDA KERAJAAN**, ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), di Parlimen pada 10 Jun 2010 lalu, seperti berikut::

*“Ibarat sebuah rumah, di mana, bumbungnya ialah **Gagasan 1Malaysia** : “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”; Tiang seri rumah ini ada dua, pertama adalah **GTP – Government Transformation Program atau Pelan Transformasi Kerajaan (PTK)** dan kedua **Economic Transformation Program atau Model Ekonomi Baru (MEB)**; dan lantainya adalah **Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11**”*

22. Di bawah **RMK-10**, iaitu melalui **Teras Ke-4 : ‘Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia’**, YAB Perdana Menteri Malaysia telah meletakkan semua IPT termasuklah UMS berperanan sebagai **penjana inovasi dan modal insan negara**.

23. Perkara ini telah diulas oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Datuk Mohamed Khaled Nordin (*Berita Harian, 17 Jun 2010, Sisipan Varsiti*), di mana RMK-10 telah memberi suatu laluan yang cukup luas dan kondusif agar semua universiti sentiasa berdaya saing melalui lima (5) pendekatan berikut:

- (1) Pencapaian KPI dijadikan kayu pengukur kepada jumlah agihan peruntukan kewangan universiti, khususnya berkaitan kebolehpasaran (*employability*) graduan;
- (2) Konsep autonomi diberi pada universiti secara berperingkat dan lebih fleksibel agar budaya prestasi tinggi dapat disemarakkan;
- (3) Pengajian bersifat teknikal dan latihan vokasional diperluaskan untuk meningkatkan tahap kemahiran pelajar;
- (4) Akses pendidikan tinggi diperhebatkan melalui projek jalur lebar berkelajuan tinggi, dan;
- (5) Memartabatkan dan mengiktiraf sumbangan komuniti akademia melalui penubuhan Majlis Profesor negara (MPN), serta penambahbaikan skim perkhidmatan kumpulan Profesor melalui kewujudan skim Profesor Kanan dengan diletakkan di bawah tangga gaji Gred Turus;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

ANJAKAN PARADIGMA UNTUK KECEMERLANGAN

24. Sesuai dengan *mode* anjakan paradigma dalam penganjuran majlis ini, suka saya berkongsi maklumat dan sebagai pedoman bersama, ketika saya dan beberapa pegawai lain menghadiri **Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-10** pada 28 April 2010 lalu, di mana YAB Perdana Menteri, telah menggariskan **empat (4) anjakan paradigma** yang perlu dilaksanakan oleh penjawat awam sebagai inisiatif proses memodenkan atau modenisasi dalam perkhidmatan awam, iaitu:

PERTAMA : Anjakan daripada **ketegaran (*rigid*) kepada keanjalan (*flexible*)** : iaitu mengubah kerangka minda agar sentiasa berfikir dan merangka strategi diluar kotak kebiasaan (*out of the box*), kaedah bekerja yang lebih luwes atau fleksibel dalam membuat keputusan atau menyelesaikan sesuatu masalah, tanpa membelakangi integriti perkhidmatan awam, dan bertindak sebagai pemudah cara terhadap keperluan *stakeholders*;

KEDUA : Anjakan daripada menilai **kejayaan yang berasaskan 'output' kepada kejayaan yang berasaskan 'outcome'** : contohnya dalam bidang penyelidikan, bukan sahaja jumlah peralatan canggih atau peruntukan yang mencukupi harus diberikan, tetapi penekanan utama yang harus diberikan adalah kepada sejauhmana penyelidikan tersebut dapat dikomersialkan dan dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara;

KETIGA : Anjakan daripada **birokrasi yang menyukarkan kepada birokrasi yang memudah cara** : contohnya taksiran cukai pendapatan tahunan, setiap tahun birokrasi untuk mengemukakan taksiran tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tetap ada, namun telah dimudah cara melalui

sistem e-filing, dan;

KEEMPAT : Anjakan daripada **produktiviti semata-mata kepada gabungan produktiviti, kreativiti dan inovasi** : contohnya seperti sistem e-filing oleh LHDN tadi, di mana kreativiti dan inovasi yang dilaksanakan telah melonjakkan lagi jumlah pembayar cukai Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

25. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada pihak Jawatankuasa Pelaksana, yang dipengerusikan oleh Pendaftar di atas kejayaan menganjurkan majlis untuk kali ke-6 bagi tahun 2009 ini.

26. Sebenarnya, pihak penganjur telah berjaya menyakinkan saya bahawa penghargaan kepada kakitangan yang diadakan setahun sekali ini, perlu di adakan dalam suasana yang 'istimewa', sesuai dengan kecemerlangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh kakitangan, di samping menggambarkan standard penghargaan dan pengiktirafan yang wajar diberikan oleh pihak universiti.

27. Oleh itu, saya telah bersetuju agar inisiatif dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftar selaku pihak penganjur ini perlu diteruskan walaupun terdapat beberapa penambahan dalam komitmen perbelanjaan universiti.

28. Ini kerana, saya beranggapan bahawa penganjuran majlis kali ini merupakan suatu **anjakan paradigma** yang amat signifikan kepada sumbangan para kakitangan universiti.

29. Namun demikian, anjakan paradigma ini hanya dapat dicapai dan diterjemah apabila mereka yang menerima anugerah dan universiti secara keseluruhannya mendapat manfaat bersama, iaitu mampu melonjakkan kecemerlangan universiti di persada antarabangsa, selaras dengan misi dan visi universiti.

30. Kepada semua penerima anugerah, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah. Sebagai tanda penghargaan, suka saya mengajak hadirin sekalian untuk berdiri bersama-sama saya dan memberikan tepukan gemuruh kepada semua penerima anugerah Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kali Ke-6 untuk tahun 2009 ini.....(*tepukan*)..... terima kasih.

31. Walau bagaimana pun, seperti saya katakan tadi, apa yang penting dan menjadi harapan saya agar kelestarian (*sustainability*) khidmat cemerlang anda dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi di masa hadapan, serta mampu menjadi pendorong kepada kakitangan lain, yang akhirnya memungkinkan kita mampu mencapai status universiti penyelidikan atau yang lebih hebat dari itu dalam di masa hadapan.

32. Kepada yang belum tiba masanya menerima anugerah pada malam ini, janganlah gunda gelana atau merajuk tak sudah, saya memberi jaminan bahawa pihak pengurusan universiti akan sentiasa menyediakan ruang dan peluang untuk anda meningkatkan potensi dan prestasi diri, cuma terpulanglah kepada usaha dan komitmen masing-masing.

33. Oleh itu, seiring, malah mungkin lebih mendepani moto UMS iaitu "**Bertekad Cemerlang**", saya menyarankan agar semua peringkat kakitangan universiti memberi perhatian terhadap perkara berikut yang mana pernah saya katakana sebelum ini sama ada pada Amanat Tahunan Naib Canselor atau majlis-majlis lain :

- (1) Sentiasa mengamalkan **gaya hidup sihat dan ceria**, melalui aktiviti bersenam agar mental, fizikal dan spiritual kita sentiasa dalam tahap yang terbaik untuk melaksanakan tugas seharian;

- (2) Tidak jemu atau putus asa untuk **meningkatkan pengetahuan dan kemahiran** agar lebih professional dalam menjalankan tugas. Sebagai institusi pembelajaran, sekali lagi saya tegaskan UMS punya ruang dan peluang yang luas untuk anda meningkatkan keupayaan pengetahuan dan kemahiran masing-masing;
- (3) Sentiasa **memperkukuhkan integriti dan akauntibiliti** dalam melaksanakan tugas seharian agar tidak terpedaya dengan penyelewengan dan salah guna kuasa;
- (4) **Mengutamakan kesempurnaan dan ketelitian** kerja, dan bukannya bersikap asal siap atau asal ada, falsafah '*do it right the first time*' dan '*never settle for less than the best*' perlu ditanam di sanubari masing-masing. Ini juga bermaksud kita perlu sentiasa cuba melaksanakan sesuatu tugas melebihi standard atau kualiti yang ditetapkan.

Sekian, tahniah dan selamat maju jaya untuk semua warga UMS!

Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.